

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.05.2016**

**Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan Kerajaan untuk memastikan kebebasan institusi Bank Negara Malaysia daripada mana-mana pengaruh dan kepentingan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewujudan, matlamat, fungsi dan kuasa Bank Negara Malaysia telah diperuntukkan dengan jelas di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM). Akta ini telah memberi kuasa dan autonomi kepada Bank Negara Malaysia untuk terus melaksanakan mandatnya dengan berkesan, penuh

tanggungjawab dan telus.